

Perisytiharan Pantikan
Undang Puak Sungai Ujong
ke 10

Lantikan Undang Luak
Sungai Ujong ke 10

OLEH. HJ. MUHAMMAD TAINU.

ISTIADAT PERISYTIHARAN LANTIKAN
DATO' KELANA PUTERA, UNDANG LUAK
SUNGAI UJONG KE 10

Tarikh : 29hb. Disember, 1993
Masa : 12.30 Tengahari
Tempat : Balai Undang Luak Sungai Ujong,
Taman Tasik, Seremban.

Masa

Perkara

10.00 pagi

1. Orang ramai mula datang ke Perkarangan Balai Undang.
2. Ibu-Ibu Soko, Dato'-dato' Lembaga, Calon-calon Undang, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan hadir.
3. Kawasan Balai Undang dikawal rapi oleh pasukan keselamatan.
4. Sebuah khemah tetamu disediakan dihadapan Balai Undang.

11.30 pagi

1. Calon-calon Undang - Ibu Soko dan Dato'-dato' Lembaga dijemput naik/ masuk ke Balai Undang.
2. Dalam Balai Undang di sediakan dewan penghadapan tempat pengisytiharan per-lantikan.
3. Sebuah pelamin rendah (pentas) beralaskan tikar dan diatasnya diletakkan tilam pandak beldu berwarna biru.

4. Empat orang calon Undang duduk di kerusi yang disediakan di sebelah kanan.
5. Bahagian sebelah kiri disediakan kerusi untuk Sahibul Samaah Dato' Mufti Negeri Sembilan dan Pegawai-pegawai kanan (Ketua Jabatan) Kerajaan.
6. Ibu-Ibu Soko yang ramai bilangannya duduk berselimpuh dikiri-kanan di hadapan calon-calon Undang dan Pegawai Kanan Kerajaan.
7. Pembesar suara - Juruacara - diletakkan disebelah kanan pelamin. Encik Ghazali bin Khalid (Dato' Johan) perut Ulu jadi juruacara.

11.40 pagi

Yang Mulia Dato' Shahbandar Shaari bin Hassan dan Datin sampai, dibawa kesebuah bilik khas di dalam balai.

11.45 pagi

1. Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan Haji Ghazali bin Hj. Ibrahim sampai dengan menaiki sebuah kereta polis dan naik masuk ke bilik Dato' Shahbandar, membawa surat pengistiharan dalam sampul yang berlakri dari Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan yang membuat keputusan pemilihan itu.
2. Di bilik Dato' Shahbandar diadakan permaufakatan diantara Dato'-dato' Lembaga dan Ibu-ibu Soko bagi memberi perakuan kepada Dato' Shahbandar untuk mengistiharkan perlantikan Dato' Kelana Putera Undang Luak Sungai Ujong yang ke 10.

3. Surat perakuan itu ditandatangani oleh:-

3.1. Dato' Laksamana Mokhtar bin Dato' Maamur

3.2. Tua Waris perut Ulu - Dato' Ghazali Khalid

3.3. Ibu Soko perut Ulu - Pn. Norbanun bt. Abd. Malek.

3.4. Ibu Soko perut Hilir - Pn. Raja Ramlah bt. Raja hamzah.

3.5. En. Karim bin Omar - Wakil Dato' Andika Mendelika.

3.6. Wakil Dato' Maharaja Lela.

12.30 Tengahari

Majlis Pengisytiharan

1. Juruacara Dato' Ghazali Khalid - mempersilakan YM. Dato' Shahbandar Shaari b. Hassan masuk ke Dewan Penghadapan diiringi oleh Datin.

2. Para tetamu diminta bangun sebagai penghormatan.

3. Dato' Shahbandar duduk diatas tilam pandak dan memberi ucapan.

4. Dato' Shahbandar dengan membaca sekeping surat, mengisytiharkan nama Encik Mubarak bin Thahak @ Dohak dilantik menjadi Dato' Kelana Putera Undang Luak Sungai Ujong ke 10 berkuat kuasa mulai tarikh 29hb. Disember, 1993. Surat itu disediakan oleh Dewan Keadilan dan undang Negeri Sembilan yang dibawa oleh Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan dan diserahkan kepada Dato' Shahbandar untuk diisytiharkan.

5. Dato' Shahbandar beralih tempat duduk ke-kerusi yang disediakan sebaris dengan ketua-ketua Jabatan Kerajaan bahagian sebelah kiri dewan.
6. Dato' Kelana Putera Undang Luak Sungai Ujong Encik Mubarak bin Thahak @ Dohak dipersilakan duduk ke pelamin diatas tilam pandak (duduk bersila).
7. Istiadat mengadap/menyembah di mulakan. Juruacara Ghazali Khalid menjemput seorang demi seorang Dato'-dato' Lembaga dan Ibu Soko daripada waris didarat dan waris diair datang mengadap/menyembah. Dimulakan oleh wakil Dato' Andika Mendelika Encik Karim b. Omar.
8. Selepas istiadat mengadap/menyembah, Sahibul Samaah Dato' Mufti Negeri Sembilan Dato' Murtadza bin Hj. Ahmad membacakan doa selamat. Istiadat pengisytiharan selesai.
9. Dato' Kelana Putera Undang Luak Sungai Ujong yang baru berangkat ke bilik jamuan dan diiringi oleh Dato'-dato' Lembaga dan para tetamu.
10. Demikian urutan istiadat pengisytiharan perlantikan Dato' Kelana Putera Undang Luak Sungai Ujong yang baru, bertempat di Balai Undang Luak Sungai Ujong, Taman Tasik Seremban pada 29hb. Disember, 1993.

————— .. —————

Haji Muhammad bin Tahir
Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

Tarikh: 29hb. Disember, 1993.

Mubarak dilantik Undang Luak

Oleh Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Rabu — Masalah perantikan Undang Luak Sungai Ujong Kespuluh sejak 10 tahun lalu selesai apabila Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan memilih kerani Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBME) sebagai Undang baru.

Mubarak Thahak @ Dokhak, 22, dilantik sebagai penyandang baru Undang Luak Sungai Ujong dalam satu istiadat penuh tradisi di Balai Undang-Sungai Ujong di sini, hari ini.

Perantikan itu adalah hasil keputusan mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang di Istana Hinggap, semalam yang membincangkan penyele-

saan masalah pemilihan Undang Luak Sungai Ujong.

Dewan keadilan dianggotai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Undang Luak Jekebu, Rembau, Johol dan Turku Besar Tampin, manakala Menteri Besar berfungsi sebagai penasihat.

Istiadat itu yang bermula jam kira-kira 12.30 tengah hari dengan perisytiharan perantikan dibacakan oleh Datuk Shahbandar, Sungai Ujong, Shahari Hassan.

Sebelum mengumumkan keputusan, beliau meminta empat orang calon Undang supaya menerima keputusan Dewan Keadilan dengan baik demi ke-

baikan Luak Sungai Ujong.

Selain Mubarak, tiga calon lagi ialah Ketua Pegawai Keselamatan, Abdul Rahman Khalid, 61; Kerani bank, Thawil Azar Mohamad Nor, 39 dan peniaga, Shaharumzaman Abdul Malik, 46.

Turut hadir di majlis itu ialah Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd Muradza Ahmad.

Negeri Sembilan mempunyai empat luak yang mempunyai Undang iaitu Luak Sungai Ujong di daerah Seremban dan Port Dickson, Luak Rembau di daerah Rembau, Luak Johol di sebahagian Kuala Pilah dan Tampin serta Luak Jekebu di Je-

bu.

Perantikan Undang Luak Sungai Ujong dianggap penting kerana sesiap yang dipilih sebagai Undang akan mengetuai Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.

Majlis Keadilan sebelum ini cuba mencari pengganti Undang Kespuluh, Datuk Mohamed Kassim Abdul Rashid yang meninggal dunia pada 23 Oktober, 1983 tetapi gagal.

Perantikan Undang mengikut Adat Perpatih (hanya diamalkan di Negeri Sembilan) perlu melalui proses kompleks yang mana Undang dicalonkan daripada suku waris.



TERIMA KASIH... Mubarak (kiri) menerima ucapan tahniah daripada anak buahnya, semalam.

Mubarak dilantik Undang Luak

SEREMBAN 29 Dis.—Pertikaian mengenai perlantikan Undang Luak Sungai Ujong yang berlarutan lebih 10 tahun lalu kini berakhir berikutan perlantikan seorang kerani sebuah bank di bandar ini, Mubarak Thahak dilantik memegang jawatan tersebut.

Mubarak, 32, diisytiharkan Undang Luak Sungai Ujong ke-10 dalam satu majlis penuh istiadat adat perpatih, di balai raya kediaman rasmi Undang Luak berkenaan, di Jalan Tasik di sini hari ini.

Perlantikan itu dibuat mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 dan ia berkuatkuasa mulai hari ini.

Jawatan Undang Luak Sungai Ujong menjadi tumpuan serta perhatian ramai kerana orang yang menduduki kerusi tersebut turut terlibat dalam perlantikan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.



MUBARAK THAHAK

Perisytiharan perlantikan itu dibuat oleh Datuk Syahbandar Sungai Ujong, Datuk Shahari Hassan dengan diawasi oleh beberapa anggota polis termasuk daripada pasukan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) di dalam dan luar balai raya bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

Bagaimanapun, majlis

perisytiharaan itu berjalan dengan lancar dengan menyaksikan tiga calon lain dan waris-waris mereka yang hadir pada majlis berkenaan menerima segala keputusan dengan tenang.

Tiga calon lain yang juga menuntut jawatan Undang Luak Sungai Ujong itu ialah Shaharumzaman Abdul Malik, 46; Thawil Azar, 39, dan Abdul Rahman Khalid, 32 ½.

Difahamkan, pertikaian perlantikan jawatan Luak Undang itu bermula pada tahun 1983 apabila Datuk Klana Kassim yang memegang jawatan tersebut meninggal dunia pada Oktober 1983.

Berikutan itu, kira-kira 18 orang waris telah menuntut untuk memegang jawatan tradisi berkenaan tetapi tidak mendapat kata sepakat menyebabkan ia berlarutan hingga ke hari ini.

Perbincangan untuk melantik Undang Luak Sungai Ujong telah dila-

kukan oleh Dewan Keadilan Negeri Sembilan yang terdiri daripada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Besar Tampin, Undang Luak Johol, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Rembau, Tuanku Besar Tampin dan Datuk Syahbandar Sungai Ujong di Istana Hinggap, semalam.

Ketika berucap di majlis itu, Datuk Shahari meminta semua waris bersatu semula dengan menguatkan perpaduan yang ada dan menerima segala keputusan dengan hati yang tenang.

"Kita patut bersyukur segala perbalahan yang berlaku sejak 10 tahun lalu telah selesai dan harus menyifatkannya sebagai qada dan qadar Tuhan," jelasnya.

Mubarak bagaimanapun enggan bercakap kepada pemberita untuk mengulas mengenai perlantikannya itu.

Perlantikan Undang dianggap tidak sah

SEREMBAN, Jumaat — Krisis Undang Luak Sungai Ujong yang dianggap selesai dengan perlantikan Undang baru Rabu lalu mungkin berpanjangan apabila perlantikan itu dikatakan tidak mengikut Adat Perpatih.

Ini berikutan surat bantahan Waris Biduanda Kampung Dusun Hulu yang mempertikaikan kesahihan perlantikan itu kepada Pengerusi Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.

Dewan Keadilan dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Besar, Tuanku Jaafar Tuanku Abdul Rahman dan Undang Luak Jelebu, Rembau, Johol serta Tunku Besar Tampin.

Ketua Adat, Datuk Panglima Dalam Zakaria Mohaminad dari Waris Biduanda Kampung Dusun Ulu, mendakwa perlantikan Mubarak Thahak @ Dhohak, 32, sebagai Undang Luak Sungai Ujong tidak sah.

Beliau berkata, ini kerana Datuk Tiang Balai (waris tua yang bertanggungjawab mencadangkan nama calon) tidak diberitahu atau dipanggil berunding.

Menurutnya, Datuk Lembaga Tiang Balai ia itu Datuk Andika Mendelika Fadzil Mohamed Nor, Datuk Diraja Maharaja Azman Jamrus dan Datuk

Dagang Paroi, Datuk Mohamed Nor Abdullah tidak dipanggil sedangkan mereka Ketua Adat yang sah.

Katanya, perlantikan itu tidak dilakukan dengan sempurna mengikut Adat Perpatih kerana waris tua tidak dimaklumkan sebelum pergisytiharan Undang dilakukan.

"Saya percaya Waris Biduanda Kampung Telaga membentuk Datuk Lembaga Tiang Balai mereka sendiri dan seterusnya mengemukakan calon kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.

"Ini bermakna Majlis Keadilan melanggar peraturan Adat Perpatih dengan memilih Mubarak sebagai Datuk Kelana Kescapuluh," katanya di sini, hari ini.

Krisis penyandang Luak Sungai Ujong menghadapi pelbagai masalah, termasuk rampasan kuasa dan kini menjangkau hampir 10 tahun sejak Undang terakhir, Datuk Mohamed Kassim Abdul Rashid, meninggal dunia pada 25 Oktober, 1983.

Selain Zakaria, surat bantahan ditandatangani oleh Datuk Panglima Iniam Perang, Ardin Ujang (Waris Batu Hampa, Kampung Gayan) dan Datuk Panglima Cincang, Abdul Ramli Abdul Latif (Waris Biduanda Kampung Nyonyoi).